



14 MAR, 2024

Gagal seludup 10,175kg minyak paket subsidi

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Wan Jamal Abdul Salam (tengah) menunjukkan minyak paket bersubsidi yang mahu diseludup ke negara jiran pada sidang media di KPDN Kelantan.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Gagal seludup 10,175kg minyak paket subsidi

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup 10,175 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi ke negara jiran, menerusi serbuan awal pagi kelmarin.

Dalam serbuan jam 4 pagi berhampiran Jambatan Kampung Kubang Panjang, Tumpat, Kastam turut menahan dua lelaki tempatan iaitu pemandu lori dan pembantunya yang berusia awal 30-an.

Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata pihaknya menjalankan inti-

pan selama 14 hari sebelum serbuan dilakukan.

“Hasil siasatan mendapati bekalan minyak terbabit bernilai RM20,350 itu dipercayai dari Ipoh, Perak dan untuk diseludup ke negara jiran.

“Selain bekalan minyak masak, kita turut merampas sebuah lori jenis Isuzu yang dianggarkan bernilai RM70,000,” katanya pada sidang media yang turut dihadiri Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail.

Mengulas lanjut katanya, modus

operandi yang digunakan kumpulan sindiket berkenaan adalah dengan menghantar bekalan minyak masak itu melalui pangkalan haram.

“Sindiket berkenaan juga menggunakan pelbagai jenis kenderaan untuk disimpan sebelum diseludup ke Thailand.

“Hasil soal siasat juga mendapati pemandu dan pembantunya menerima upah RM300 untuk menghantar bekalan minyak masak berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967 dan di-

klasifikasikan semula mengikut Seksyen 5 Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

Sementara itu, Azman berkata, pihaknya sudah menjangkakan permintaan terhadap minyak masak paket bersubsidi dari negara jiran semakin tinggi ketika Ramadan.

Bagaimanapun katanya, penguatkuasaan dan pemantauan daripada pihaknya akan ditingkatkan dan diperketatkan terutama di kawasan sempadan iaitu Tumpat, Rantau Panjang serta Tanah Merah.



14 MAR, 2024

Gagal seludup 10,175kg minyak paket subsidi

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup 10,175 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi ke negara jiran, menerusi serbuan awal pagi kelmarin. Dalam serbuan jam 4 pagi berhampiran Jambatan Kampung Kubang Panjang, Tumpat, Kastam turut menahan dua lelaki tempatan iaitu pemandu lori dan pembantunya yang berusia awal 30-an. Pengarah Kastam Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata pihaknya menjalankan intipan selama 14 hari sebelum serbuan dilakukan.